

Keberkesanan Teknik Perkongsian Ilmu dalam Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) terhadap Peningkatan Kemahiran Mengajar Karangan Bahasa Melayu

Dima Mazlina @ Siti Aishah bt Abu Bakar*, Abdul Rasid b. Jamian, Shamsudin b. Othman

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Kajian kualitatif ini dilaksanakan untuk melihat keberkesanan pelaksanaan teknik sesi perkongsian ilmu dalam Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) terhadap peningkatan kemahiran mengajar karangan Bahasa Melayu. Kajian ini melibatkan lima orang peserta kajian yang dipilih melalui persampelan bertujuan di sebuah sekolah menengah harian biasa di negeri Kedah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa teknik sesi perkongsian ilmu yang dibudayakan dalam KPP berupaya memberikan impak yang besar kepada pengajaran guru. Guru memperoleh amalan pedagogi baharu, manakala kemahiran mengajar sedia ada diubah suai dan diperbaiki, serta pengalaman guru lain diaplikasikan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini demikian kerana KPP mewujudkan budaya guru berkongsi, mengajar dan memberikan bimbingan secara eksklusif dalam komuniti panitia. Perkongsian ilmu seperti ini menjadi elemen penting yang akan memperkembangkan kualiti pengajaran seorang guru.

Kata kunci: sesi perkongsian ilmu, komuniti pembelajaran profesional, kemahiran mengajar karangan Bahasa Melayu, peningkatan kualiti pengajaran, impak sesi perkongsian ilmu

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mel:

dmazlina72@yahoo.com

(Dima Mazlina @ Siti Aishah bt Abu Bakar)

arasid@upm.edu.my (Abdul Rasid b. Jamian)

shamsudean66@gmail.com (Shamsudin b. Othman)

*Penulis Penghubung

The Effectiveness of Knowledge Sharing Techniques Among Professional Learning Community (PLC) With the Improvement of Teaching Malay Compositions

ABSTRACT

This qualitative study was conducted to evaluate the effectiveness of knowledge sharing sessions technique in Professional Learning Communities (PLC) due to improve teaching skills of writing

composition in Malay Language. The study involved five participants that were selected through purposive sampling in a regular high school in the state of Kedah. The findings showed that the knowledge sharing sessions technique in PLC provides big impact on teaching. Teachers get new pedagogical practices, existing teaching skills and the experience of other teachers can be applied in teaching the subject. Teacher share, teach and provide guidance exclusively in the community of teachers. This sharing of knowledge as a key element that will expand the quality of teaching.

Keywords: knowledge sharing sessions, professional learning communities, teaching skills of writing Malay Language, improving the quality of teaching, the impact of knowledge sharing sessions

PENGENALAN

Guru yang berkesan akan menghasilkan pengajaran yang berkesan. Pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah akan menjadi lebih bermakna sekiranya guru benar-benar menguasai isi kandungan serta menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik untuk menyampaikan pengajaran. Standard Guru Malaysia menyenaraikan beberapa perkara yang perlu dikuasai oleh guru untuk memantapkan kualiti pengajaran. Guru perlu mempunyai tahap amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang tinggi untuk membolehkan mereka berfungsi sebagai guru profesional dengan berkesan. Dalam konteks pendidikan, pengetahuan dan kefahaman merujuk kepada ilmu pendidik, ilmu bidang, kurikulum dan kokurikulum, pengetahuan ICT dan Falsafah Pendidikan Negara (PIPP 2013-2025, 2013).

Justeru, guru perlu menambah nilai terhadap kualiti pengajaran setiap masa agar ilmu yang ada pada guru sentiasa berada pada tahap terkini dan menepati kehendak pendidikan semasa. Guru perlu ada elemen profesionalisme dalam diri untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Dalam hal ini, guru perlulah mempunyai kemahiran yang tinggi, mempunyai pengetahuan mendalam dalam mata pelajaran dan kecekapan menyampaikan pengajaran menggunakan pelbagai elemen yang terdapat dalam bidang pedagogi (Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim, 2012). Dalam hal berkaitan, guru perlu sentiasa mencari peluang untuk belajar cara mengajar, tidak kira sama ada guru lama, guru novis ataupun guru bukan opsyen. Pembelajaran sepanjang masa perlu diterokai oleh guru kerana ilmu pedagogi lama perlu diberikan pengubahsuaian, ilmu pedagogi baharu perlu dikuasai agar pengajaran dan pembelajaran bertambah menarik serta memberikan kesan kepada murid.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk meneliti pelaksanaan sesi perkongsian ilmu dalam KPP sebagai elemen guru belajar mengajar dalam usaha mempertingkatkan kemahiran guru mengajar karangan Bahasa Melayu. Pelaksanaan KPP berupaya meningkatkan prestasi guru dalam komuniti sekolah melalui aktiviti penyelidikan dan pembelajaran guru secara berterusan dan sistematik. Menurut Cranston (2009), KPP menggalakkan kerjasama dalam sesebuah komuniti pembelajaran, melibatkan diri secara berterusan, berkongsi pengalaman dan amalan pengajaran, mencari pelbagai ilmu bantu mengajar agar murid memperoleh manfaat.

Guru berperanan sebagai pemudah cara, pembimbing, dan pendidik. Guru yang

berkemahiran mengajar dapat menyampaikan pengajaran secara berkesan. Tentunya murid akan dapat memahami sesuatu konsep atau kemahiran yang diajar oleh guru tersebut. Walaupun begitu, guru yang tidak mahir mengajar pula tentunya berhadapan dengan pelbagai masalah sehingga menyebabkan pelajar sukar untuk memahami pengajaran yang disampaikan ((Shahril @ Charil Hj Marzuki, 2005). Pengajaran dan pembelajaran pula menjadi bosan sekiranya guru menggunakan kaedah dan teknik yang sama.

Guru yang hendak mengajar mengarang perlu bersedia dengan ilmu bantu yang berkualiti serta bersedia membantu murid untuk menulis karangan selari dengan kehendak kurikulum. Penulisan karangan ialah kemahiran yang sukar dikuasai dan sukar juga diajar oleh guru Bahasa Melayu. Hal ini demikian, kerana kemahiran menulis tidak berlaku secara semula jadi tetapi kemahiran menulis perlu diajar, dilatih dan dipupuk (Marohaini Yusoff, 2004). Mengarang ialah kemahiran kognitif dan linguistik yang melibatkan proses menyusun, mencatat, memberikan makna, bersifat interaktif dan menggunakan sistem tulisan yang dapat dibaca untuk mencapai tujuan tertentu (Sulaiman Masri, Abdullah Yusof dan Mohd Ra'in Shaari, 2006).

Pada masa ini, guru tidak mengajar karangan menggunakan pendekatan, teknik dan kaedah yang bersesuaian. Hal ini bertambah sukar apabila guru Bahasa Melayu kurang maklumat yang mendalam terhadap isi kandungan mata pelajaran tersebut. Hal ini termasuklah kekaburan tentang kandungan ilmu tulis menulis dan binaan sesebuah penulisan mengikut jenis, tujuan serta pembaca yang akan membaca sesebuah hasil penulisan tersebut (Roselan Baki, 2003). Hal ini ditambah pula dengan kurangnya pengalaman dan malu bertanya kepada guru yang lebih mahir dan menyebabkan guru terpaksa menggunakan kemahiran sendiri berbanding dengan membina pengajaran secara lebih profesional. Berdasarkan Teori Huraian Bahasa, guru bahasa perlu menguasai terlebih dahulu isi kandungan pelajaran yang hendak diajar (Juriah Long, 2012).

Justeru, guru perlu berubah dan menambah nilai kualiti pada pengajaran yang dilaksanakan. Guru juga perlu memahirkan diri dengan pelbagai teknik pengajaran yang menyeronokkan. Namun, kesediaan guru berubah dan menerima perubahan untuk menjayakan inovasi pendidikan merupakan cabaran yang besar dan memerlukan daya kreativiti yang tinggi (Norreha Deraman, Suhaida Andul Kadir dan Mohd Majid Konting, 2009).

Sehubungan dengan itu, guru Bahasa Melayu wajar melipatgandakan usaha untuk meningkatkan kemahiran mengajar karangan. Mereka perlu belajar kaedah baharu, mencipta inovasi bahan pengajaran dan mengubah suai teknik dan kaedah pengajaran untuk menghadapi cabaran pengajaran dan pembelajaran. Salah satu strategi yang boleh digunakan ialah guru belajar mengajar dalam sesi perkongsian ilmu Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP). KPP diperkenalkan di Malaysia pada 2010 ialah program peningkatan profesionalisme di Amerika yang dipanggil sebagai *Professional Learning Communities* (PLC). Di Malaysia, KPP bermula dengan pelaksanaan kajian pembelajaran pada 2010 dengan mengambil kira pelaksanaannya untuk mata-mata pelajaran kritikal seperti Bahasa Inggeris, Sejarah, Bahasa Inggeris dan Sains (Jalani Ludin dan Kamarudin Taib, 2012).

KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL

KPP ialah sebuah kelompok guru yang belajar cara mengajar yang berkesan dalam sebuah komuniti. Dalam hal yang berkaitan, KPP merujuk kepada warga sekolah yang belajar cara mengajar melalui pelbagai strategi dan pendekatan. Dalam konteks kajian ini, warga sekolah merujuk kepada kelompok guru yang belajar dan menjadi murid. KPP ialah landasan untuk penambahbaikan kualiti pengajaran guru dan prestasi sekolah. Guru membentuk kumpulan dan belajar untuk mempertingkatkan kemahiran mengajar secara profesional dan sistematik. Dalam hal berkaitan, KPP merujuk kepada kepentingan organisasi pembelajaran untuk meningkatkan kapasiti dan kebolehan guru mengajar. Selain itu, KPP ialah kerja berpasukan dan guru menimba ilmu mengajar daripada pakar dalam kalangan pasukan mereka secara kolektif.

Hord (2004), mendefinisikan KPP sebagai komuniti profesional yang belajar. Hal ini diperincikan bahawa guru di sekolah serta para pentadbir pengurusan sekolah sentiasa mencari dan berkongsi apa-apa sahaja yang berkaitan dengan pembelajaran guru. Matlamat bagi setiap pembelajaran ahli dalam komuniti ialah untuk mempertingkatkan kemahiran profesional guru demi manfaat murid yang diajar. Walaupun begitu, menurut Stoll, et al. (2006), tidak ada definisi yang universal untuk menggambarkan KPP dan menganggap bahawa KPP diterjemahkan dalam pelbagai definisi mengikut konteks pelaksanaannya. Namun begitu, Stoll, et al. (2006), bersetuju dengan pandangan beberapa orang pengkaji KPP seperti Mitchel dan Sackney (2001); Toole dan Louis (2002) serta King dan Newman (2001), bahawa KPP ditakrifkan sebagai sekumpulan manusia yang berkongsi dan berbincang secara berterusan tentang amalan pengajaran mereka secara berterusan, sentiasa reflektif, bekerjasama, berorientasikan pembelajaran dan sentiasa berusaha untuk memajukan diri.

PERNYATAAN MASALAH

Sistem pendidikan sentiasa berubah untuk memenuhi kehendak dan keperluan akademik murid. Terdapat juga situasi sistem pendidikan berubah kerana perubahan tampuk pentadbiran negara. Dasar yang lama tidak diteruskan. Dasar baharu diperkenalkan untuk menggantikan dasar yang dibuat oleh pentadbir terdahulu. Namun, hal tersebut tidak dianggap sebagai faktor utama yang dapat membantu meningkatkan prestasi sekolah dan pengajaran guru, sebaliknya menimbulkan banyak masalah (Fullan, 2005). Tindakan meminjam strategi luar dan diubah suai juga tidak memberikan kesan yang besar kepada peningkatan prestasi sekolah lantaran sekolah tidak dapat mengikut secara tekal strategi yang dipinjam dan diubah suai (Stegall, 2011).

Untuk meningkatkan profesionalisme keguruan, pendidikan seseorang guru itu tidak berakhir dengan latihan praperkhidmatan sahaja. Guru novis pula kurang menunjukkan sikap sebagai guru yang memberikan komitmen yang tinggi. Mereka beranggapan diri mereka masih tidak berpengalaman, masih baharu dalam bidang perguruan serta malu untuk bertanya kepada guru yang lebih berpengalaman. Hal ini bertepatan dengan kajian Jackson, Chalmers dan Wills (2004) iaitu guru yang berada pada tahun pertama perkhidmatan kurang melibatkan diri secara positif dan menunjukkan kepakaran yang sangat sedikit dalam bidang yang diajar. Guru berpengalaman pula beranggapan bahawa pengalaman mereka dalam

bidang pengajaran merupakan *benchmark* kepada ketepuan pedagogi yang mereka miliki. Mereka tidak menambah ilmu dan mencari ilmu baharu kerana menganggap pengalaman mereka akan memandu mereka mengajar dengan berkesan.

Isu pengajaran Bahasa Melayu juga sering dikaitkan dengan kekurangan guru opsyen Bahasa Melayu. Natiujahnya, guru besar atau pengetua terpaksa meminta guru bukan opsyen mengisi kekosongan tersebut (Mohd Isha Awang, 2008). Pentadbir juga terpaksa mengambil tindakan mengarahkan guru bukan opsyen untuk mengajarkan Bahasa Melayu akibat kekurangan guru yang berkelayakan (Seman Salleh, 2005). Kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa kebanyakan sekolah khususnya di pedalaman menghadapi masalah kekurangan guru. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menghadapi kesukaran menempatkan guru terlatih dan berpengalaman, terutamanya bagi mata pelajaran kritikal di kawasan luar bandar dan pedalaman (PIPP 2006-2010). KPM juga mengakui berhadapan dengan cabaran untuk memastikan bahawa guru terlatih mengikut opsyen ditempatkan di semua sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman untuk memastikan bahawa P&P berjalan dengan lancar dan berkesan.

Terdapat juga guru yang keberatan untuk berbincang dengan rakan sejawat untuk mendapatkan maklum balas tentang pengajaran mereka. Hal ini ditambah pula dengan keadaan guru yang lebih gemar merancang dan menyediakan pengajaran dan pembelajaran secara bersendirian (Roberts dan Pruitt, 2009) sedangkan guru perlu bekerja sebagai satu pasukan secara berterusan (Fullan, 2002). Sekolah juga didapati kurang memberikan galakan terhadap guru untuk mewujudkan budaya kolaborasi (Teague, Ginger dan Anfara, 2012). Perbincangan serta pertukaran idea secara profesional tidak dilaksanakan secara giat dan aktiviti sekolah dijalankan secara berasingan ((Muhammad Faizal A. Ghani et al., 2013)). Keadaan sebegini menyukarkan guru menerima perubahan dan berada di takuk lama. Pengajaran menjadi dangkal dan objektif pengajaran tidak tercapai secara berkesan.

Justeru, pendidikan guru perlu ditambah menerusi program pembelajaran profesional secara berterusan supaya pengetahuan serta kemahirannya selari dengan tuntutan semasa (Mahaliza Mansor, Norlia Mat Norwani dan Jamal @ Nordin Yunus, 2014). Pelaksanaan KPP bertujuan membimbing guru untuk belajar secara berterusan untuk meningkatkan kemahiran guru mengajar. Kajian menunjukkan bahawa sekolah yang menjadikan KPP sebagai budaya dan strategi peningkatan prestasi menunjukkan bahawa guru telah berjaya keluar daripada sifat individualistik kepada budaya kerja berpasukan yang bermatlamatkan peningkatan prestasi murid (Zuraidah Abdullah, Rahimah Hj Ahmad dan Muhammad Faizal A Ghani, 2012).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif yang berikut:

1. Meneliti penggunaan teknik sesi perkongsian dalam KPP terhadap peningkatan kemahiran guru mengajar penulisan karangan.
2. Mengkaji kesan sesi perkongsian dalam KPP terhadap peningkatan kemahiran guru mengajar penulisan karangan.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan yang berikut :

1. Bagaimanakah teknik sesi perkongsian dalam KPP berupaya meningkatkan kemahiran guru mengajar penulisan karangan Bahasa Melayu?
2. Apakah kesan daripada teknik sesi perkongsian dalam KPP terhadap amalan pengajaran guru mengajar karangan Bahasa Melayu?

METADOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif satu kes setempat untuk meneliti pelaksanaan KPP terhadap peningkatan kemahiran guru Bahasa Melayu mengajar proses penulisan karangan di sekolah kajian. Pengkaji mendapati bahawa tidak banyak sekolah yang melaksanakan KPP untuk meningkatkan kemahiran guru mengajarkan Bahasa Melayu. Justeru, pengkaji hanya menemukan sebuah lokasi untuk menyempurnakan kajian tersebut. Selain hal yang tersebut, pengkaji mendapati bahawa kajian tentang pelaksanaan KPP untuk meningkatkan kemahiran guru mengajarkan proses penulisan karangan kurang dilaksanakan di Malaysia, berbanding dengan kajian pelaksanaan KPP dalam mata pelajaran lain seperti Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah.

Pemilihan Peserta Kajian

Seramai lima orang guru Bahasa Melayu telah bersetuju untuk ditemu bual dan memberikan data yang diperlukan oleh pengkaji untuk menyempurnakan kajian ini. Kelima-lima peserta yang terlibat ialah secara sukarela setelah berunding dengan pihak pentadbir dan diri peserta kajian sendiri. Guru yang dipilih ini berdasarkan teknik persampelan bertujuan dan mengajar Bahasa Melayu di sebuah sekolah menengah yang terletak di Kedah. Pengkaji perlu memilih peserta kajian yang benar-benar tepat untuk memberikan gambaran dari pelbagai sudut untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang fenomena yang hendak dikaji (Barbour, 2008). Pemilihan peserta kajian yang homogenus dapat meningkatkan fokus, maklumat dan pengetahuan berkaitan perkara yang dibincangkan (Creswell et.al, 2006); (Merriam, 2009).

Berikut merupakan kriteria yang perlu dipertimbangkan sebelum memilih peserta kajian:

- i. Kajian ini dijalankan secara sukarela dan tidak melibatkan sebarang paksaan.
- ii. Peserta kajian terdiri daripada guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu.
- iii. Peserta kajian terdiri daripada guru Bahasa Melayu yang mengajar di tingkatan 2, tingkatan 4 dan tingkatan 5.
- iv. Setiap peserta kajian memiliki pengalaman mengajar lebih daripada 3 tahun.
- v. Peserta kajian terdiri daripada guru bergred DG41 – DG52
- vi. Peserta kajian tidak ada halangan untuk berkongsi pengalaman peribadi mereka bersama-sama pengkaji.
- vii. Peserta memang sudah terlibat dengan pelaksanaan KPP di lokasi kajian.

Kaedah Pengumpulan Data

Pengkaji menggunakan tiga teknik pengumpulan data, iaitu temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan bukti daripada analisis dokumen. Teknik yang digunakan untuk mendapatkan pelbagai maklumat dan dapatan dalam kajian ini merupakan kaedah sama yang telah digunakan oleh pengkaji terdahulu berkaitan dengan keberkesanan KPP dan proses perlakuan dan proses penulisan karangan di dalam bilik darjah (Marohaini Yusoff, 2004).

Kaedah Penganalisan Data

Pengkaji merupakan instrumen kajian utama dalam kajian kualitatif dan perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk berhubung dengan manusia di sekelilingnya (Marohaini, 2004). Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan tiga peringkat analisis data, iaitu penulisan semula transkrip temu bual, seterusnya membina kod dan tema dan rumusan data berbentuk jadual, carta alir dan peta konsep. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan LeBlanc (2010) dan Glesne (2011) yang menggariskan tiga peringkat penganalisan data, iaitu tahap permulaan penulisan semula verbatim transkrip temu bual, proses lanjutan data yang merangkumi pembinaan kod dan tema dan akhiri tahap pemaparan data dalam bentuk jadual, carta alir mahu pun peta konsep. Dalam hal yang berkaitan, pengkaji menjalankan analisis suntingan, iaitu mengenal pasti unit dalam kajian, membina kategori, mengenal pasti perkaitan dan pengesahan unit seperti yang telah disarankan oleh Noraini Idris (2010).

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian telah dibahagikan kepada dua perkara, iaitu pelaksanaan sesi perkongsian ilmu terhadap peningkatan kemahiran guru mengajarkan penulisan karangan dan impak sesi perkongsian ilmu terhadap peningkatan kemahiran guru mengajarkan penulisan karangan. Kelima-lima peserta kajian bersetuju bahawa pembelajaran melalui sesi perkongsian ilmu ialah strategi yang sesuai dan berkesan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan sesi perkongsian di lokasi kajian diadakan secara terancang dan berjadual, ilmu disampaikan mengikut giliran dan kepakaran dan ilmu disampaikan melalui pembentangan dan bimbingan. Manakala impak pelaksanaan sesi perkongsian ilmu dalam kalangan guru Bahasa Melayu ialah guru mudah menyerap ilmu yang dikongsi sesama rakan sejawat. Selain itu, kerjasama dalam kalangan guru semakin padu dan mantap, guru semakin terbuka untuk menerima perubahan, pengajaran guru semakin terarah, guru sentiasa bermuhasabah diri serta perkongsian ilmu dapat dijadikan jalan penyelesaian terhadap masalah pengajaran yang dihadapi oleh guru.

Pelaksanaan Sesi Perkongsian Ilmu

Sesi Perkongsian Ilmu Teknik Mudah dan Berkesan

Berdasarkan dapatan kajian, sesi perkongsian ilmu ialah strategi dalam KPP yang paling berkesan dan mudah untuk dilaksanakan. Hal ini demikian kerana, sesi perkongsian ilmu ialah amalan yang telah lama digunakan sebelum KPP dilaksanakan. Guru berkumpul

sebagai satu kumpulan. Seorang atau lebih guru dipertanggungjawabkan untuk memberikan *input* berkenaan amalan pengajaran berkesan, kemahiran baharu yang diperoleh dan sebarang maklumat yang ada kaitan dengan peningkatan kemahiran mengajar guru. Guru lain mencatat, berbincang, bertanyakan soalan dan menggunakan kemahiran dan amalan pedagogi yang diajar itu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat sesi perkongsian tentang amalan pengajaran penulisan karangan telah dilaksanakan sebagai aktiviti KPP untuk meningkatkan kemahiran guru mengajar karangan Bahasa Melayu. Dalam sesi perkongsian tersebut, guru memberikan penerangan dan bimbingan berkaitan teknik mengembangkan idea karangan, penggunaan pelbagai modul pengajaran membantu murid lemah mengarang, dan penggunaan pelbagai media elektronik sebagai bahan bantu mengajar karangan.

Pelaksanaan Secara Berjadual

Pelaksanaan KPP merujuk kepada guru belajar mengajar secara formal dan sistematik. Justeru, perjumpaan dan bimbingan ahli dalam komuniti dijalankan mengikut jadual waktu yang telah dirangka dan ditetapkan. Dalam hal berkaitan, peranan pentadbir penting untuk memastikan bahawa guru yang terlibat dalam KPP diperuntukkan masa perjumpaan untuk menjalankan pelbagai aktiviti guru belajar mengajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru dalam Panitia Bahasa Melayu telah dinyatakan dalam jadual pada setiap hari Rabu, jam 1.20 tengah hari untuk memberikan peluang guru berjumpa, berkongsi ilmu serta diberi bimbingan intensif berkaitan masalah pengajaran yang dihadapi. Justeru, sesi perkongsian ilmu yang dilaksanakan tidak berhadapan dengan banyak masalah penjadualan kerana aktiviti KPP dijalankan pada waktu persekolahan.

Perkongsian Ilmu Disampaikan Secara Bergilir-Gilir

Konsep sesi perkongsian ilmu dalam KPP yang dipraktikkan di lokasi kajian disampaikan secara bergilir-gilir mengikut kepakaran dan bidang yang dikuasai oleh guru tertentu. Jadual pembentangan disediakan dan guru bersedia dengan topik pengajaran yang disediakan. Hal ini secara tidak langsung menjadikan semua guru Bahasa Melayu pakar dalam bidang masing-masing. Dalam panitia, terdapat guru yang arif dalam penandaan karangan. Mereka akan mengajar guru lain cara penandaan yang betul mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Hal ini akan melahirkan guru yang berkemahiran menanda karangan walaupun mereka bukan pemeriksa peperiksaan awam. Perkongsian ilmu tidak hanya tertumpu kepada guru yang mahir dan pakar dalam bidang tertentu. Bahkan guru yang tidak mahir mengajar juga boleh berkongsi pengalaman dan amalan pengajaran yang diperoleh melalui kursus, pembacaan atau kajian tindakan. Hal ini akan menyebabkan jaringan ilmu berkembang dan guru boleh menggunakan pelbagai teknik dan kaedah yang disampaikan di dalam bilik darjah.

Pembentangan Teknik dan Kaedah Pengajaran

Lazimnya, sesi perkongsian ilmu disampaikan melalui dialog dalam pembentangan. Peserta kajian bersetuju bahawa pembentangan teknik dan kaedah pengajaran dapat memberikan

alternatif bagi guru belajar bagaimana untuk menggunakannya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Terdapat guru dalam panitia yang menghadiri kursus berkaitan peningkatan kemahiran mengajar anjuran Pejabat Pendidikan Daerah atau Jabatan Pendidikan Negeri. Apabila pulang ke sekolah, mereka menyebarkan ilmu dan kemahiran tersebut bersama-sama ahli dalam panitia. Perkongsian ilmu melalui aktiviti pembentangan teknik dan kaedah pengajaran akan membantu guru memperoleh ilmu kemahiran baharu dan memperbaiki kualiti pengajaran. Guru juga boleh berkongsi ilmu yang diperolehi daripada sumber lain seperti internet, jurnal, bahan bacaan, dan sebagainya.

Sesi Muhasabah Diri

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sesi perkongsian ilmu dijadikan landasan untuk menilai kekurangan dan kelebihan yang ada pada diri, bermuhasabah diri dan mencari penyelesaian terhadap masalah pengajaran yang dihadapi. Dalam hal ini, KPP menjadi platform bagi guru melihat kekurangan dan kelebihan diri sendiri serta menerima teguran rakan sejawat dengan cara yang berhemah. Kajian mendapati, guru digalakkan menyediakan jurnal introspeksi untuk merekod aktiviti pengajaran di dalam bilik darjah pada waktu sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Dalam jurnal tersebut, guru boleh merekod kejayaan atau kegagalan pengajaran pada hari tersebut, penggunaan kaedah, teknik dan pendekatan pengajaran dan apa-apa sahaja yang ada kaitan dengan pengajaran guru. Jurnal introspeksi tersebut akan dibentangkan dalam sesi perkongsian ilmu. Guru lain diminta memberikan komen, cadangan, galakan, berkongsi cara pengajaran serta memberikan kritikan membina untuk membantu guru memperbaiki cara mengajar. Guru juga akan menjadi lebih bersemangat kerana perkongsian ilmu dalam KPP menjadi platform sokongan kepada guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran.

Bimbingan Berterusan

Sesi perkongsian ilmu dalam KPP juga memberikan bimbingan berterusan kepada guru yang memerlukan seperti guru novis, guru bukan opsyen, guru lama dan guru opsyen. Guru digalakkan untuk membimbing sama ada secara formal atau pun tidak, sama-sama membantu untuk meningkatkan kemahiran mengajar. Kajian mendapati, bimbingan rakan sejawat berupaya membantu guru novis, guru bukan opsyen, guru lama dan guru opsyen mengajar secara berkesan dan bersistematik. Guru membimbing melalui aktiviti pembentangan dan perkongsian ilmu. Guru pakar dalam bidang tertentu membimbing guru yang bermasalah mengendalikan pengajaran dalam bilik darjah. Bimbingan secara berterusan ini akan membantu guru menjadi lebih yakin untuk mengajar selain menjana ilmu pedagogi demi memenuhi keperluan profesionalisme keguruan.

Impak Sesi Perkongsian Ilmu terhadap Peningkatan Kemahiran Guru Mengajarkan Penulisan Karangan

Pengajaran Sistematik

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sesi perkongsian ilmu dalam KPP telah meningkatkan kualiti pengajaran guru menjadi lebih sistematik. Antara aktiviti sesi perkongsian ilmu yang

dijalankan termasuklah perbincangan merangka rancangan pengajaran harian. Dalam hal ini, guru telah merangka rancangan pengajaran harian mereka dalam kumpulan mengikut kelas yang diajar pada setiap minggu. Guru diminta untuk melihat persamaan atau perbezaan pada setiap rancangan pengajaran yang dibuat. Sekiranya terdapat kekurangan kumpulan guru dalam KPP akan membantu melakukan pengubahsuaian supaya pengajaran menjadi lebih berkesan.

Penggunaan Pelbagai Teknik dan Kaedah

Sepanjang pemerhatian untuk menyempurnakan kajian ini, terdapat beberapa teknik dan kaedah pengajaran karangan telah disampaikan kepada guru dalam komuniti. Teknik dan kaedah yang diajar kepada guru tidak terhad kepada teknik terkini dan berteknologi. Ada teknik dan kaedah yang telah dipelajari ketika berada di Institut Pendidikan Guru dan di universiti tetapi diubah suai mengikut keperluan dan kehendak semasa. Terdapat juga perkongsian tentang *i-Think*, Peta Konsep dan Minda. Pelbagai teknik pengajaran bahasa seperti kerusi panas, mimos, mestamu dan sebagainya, diajar kepada guru oleh rakan sejawat lain yang berpengalaman, mengikuti kursus atau menjalankan kajian tindakan. Amalan pengajaran yang dikongsi ini dapat mempelbagaikan teknik pengajaran guru dan tidak tertumpu kepada cara lama yang membosankan.

Guru Lebih Kreatif

Pelaksanaan KPP melalui aktiviti sesi perkongsian di lokasi kajian membantu guru menjadi lebih kreatif dan berupaya mengasah potensi diri dengan lebih efisien. Kajian mendapati bahawa setiap guru mempunyai keistimewaan masing-masing. Mereka mungkin pakar dalam bidang penulisan karangan, bidang tatabahasa, bidang pembuatan bahan bantu mengajar, bidang pidato, berpantun, dan sebagainya. Melalui perbincangan dalam KPP, guru diberikan banyak pendedahan tentang cara pengajaran dan bahan pengajaran yang boleh disediakan untuk menghadapi murid di dalam kelas. Cara pengajaran dan bahan pengajaran yang dikongsi oleh guru berpengalaman dan pakar boleh diubah suai mengikut kehendak semasa. Justeru, guru bertambah kreatif dan berupaya menghasilkan pengajaran yang berkesan.

Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Yang Pelbagai

Penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai penting untuk memastikan bahawa murid memahami pengajaran yang disampaikan oleh guru. Dalam kajian ini, guru diberikan pendedahan tentang kesesuaian bahan bantu mengajar yang dapat membantu murid memahami apa yang diajar oleh guru. Guru dibimbing dan diberikan contoh penyediaan bahan bantu mengajar dalam sesi perkongsian ilmu. Jika sebelum ini guru lebih cenderung menggunakan satu-satu jenis bahan bantu mengajar contohnya, petikan akhbar atau edaran, sesi perkongsian ilmu dalam KPP membantu guru untuk menyediakan bahan bantu yang bersesuaian. Bahan bantu mengajar tersebut disimpan dan boleh digunakan secara bersama-sama.

Peningkatan Kemahiran Mengajar Karangan Bahasa Melayu bagi Guru Novis dan Guru Bukan Opsyen

Penyampaian dan pengagihan ilmu mengajar dalam sesi perkongsian ilmu memainkan peranan penting kepada percambahan ilmu bagi guru novis. Ilmu yang diperoleh ketika menjalani latihan perguruan di institut pendidikan guru atau universiti tidak mencukupi untuk memastikan kejayaan dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru, amalan berkongsi ilmu dalam KPP mampu menjadi medium guru novis dan guru bukan opsyen untuk memperoleh dan meningkatkan kemahiran mengajar.

KESIMPULAN

Pelaksanaan sesi perkongsian ilmu dalam KPP secara sistematik dan tekal mampu menyelesaikan konflik guru novis dan bukan opsyen yang tidak mahir mengajar agar mencuba kaedah dan teknik yang telah dicadangkan oleh guru berpengalaman. Selain itu, pembelajaran guru secara berterusan dan sepanjang hayat juga berupaya membantu guru lama yang ketandusan idea untuk kembali fokus terhadap apa yang diajarkan oleh mereka. Ternyata guru lama dapat menambahkan ilmu dan membugarkan semula kepakaran dan kemahiran mengajar mereka. Perkongsian ilmu yang menjadi asas dalam KPP dapat mewujudkan hubungan dua hala yang baik antara guru lama yang berpengalaman dengan guru novis dan bukan opsyen juga dengan guru lama yang sudah tidak cekap mengajar. Hal ini tentulah akan memperkaya ilmu pedagogi guru Bahasa Melayu. Perubahan yang dilihat juga mengambil kira penerimaan pelajar terhadap “kelahiran semula” pengajaran guru yang dibimbing dalam KPP. Pelajar dilihat lebih fokus dan mudah dibimbing serta lebih seronok melibatkan diri dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini disebabkan, guru menggunakan pelbagai kaedah dan Teknik, di samping bahan bantu mengajar yang menarik, mudah, merangsang pemikiran pelajar serta sesuai dengan tahap keupayaan pelajar tersebut. Apabila guru menggunakan pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai dan menarik, khususnya ketika berlangsungnya pengajaran dan pembelajaran proses mengarang, sudah pasti hasil penulisan karangan pelajar juga akan meningkat dari sehari ke sehari.

BIBLIOGRAFI

- Barbour, R. (2008). *Doing focus groups. Qualitative Research Tool*. Sage Publication Ltd. London.
- Craston, J (2009). Holding the Reins of the Professional Learning Community: Eight Themes from Research on Principals' Perceptions of Professional Learning Communities. *Canadian Journal of Educational Administration and Policy*, 90, 1-22
- Creswell, J. W., Shope, R., Plano Clark, V. L., & Green, D. O. (2006). “How interpretive qualitative research extends mixed methods research”. *Research in the Schools*. 13(1), 1-11.
- Fullan, M. (2002). “Principals as leaders in a culture of change”. *Educational leadership*. 59(8), 16-21.
- Fullan, M. (2005). Professional learning communities writ large. *On common ground: The power of professional learning communities*, 209-223.
- Glesne, C. (2011). “Prestudy tasks: Doing what is good for you. Qualitative research and educational sciences”. *A reader about useful strategies and tools*. 1-37.

- Hord, S. M. (Ed.). (2004). *Learning together, leading together: Changing schools through professional learning communities*. Colombia University New York :*Teachers College Press*.
- Jalani Ludin & Kamarudin Taib . (2012). Kesan Pelaksanaan Lesson Study kepada Peranan dan Prestasi Pengajaran Guru di Negeri Pahang. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPG.
- Jackson, R. L., Chalmers, R., & Wills, D. (2004). Should schools include children with disabilities. *Interaction*, 17(8), 24-30.
- Juriah Long. (2012). Amalan Berkesan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Seminar Kebangsaan Pemantapan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan Bahasa Melayu, *Kertas Kerja Utama, Persatuan Pendidik Bahasa Melayu Malaysia*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). *Pelan induk pembangunan pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- King, M.B. & Newmann, F.M. (2001). "Building school capacity through professional development: Conceptual and empirical considerations". *International Journal of Educational Management*. 15(2), 86–93.
- LeBlanc, P. R. (2010). "A practical approach to qualitative interviews". *The Qualitative Report*. 15(6), 1621-1623.
- Mahaliza Mansor, Norlia Mat Norwani, & Jamal@Nordin Yunis. (2014). Hubungan antara model-model pembelajaran profesional terhadap amalan guru sekolah menengah harian di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bitara*, 6(5).
- Marohaini Mohd Yusoff. (2004). *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation: Revised and expanded from qualitative research and case study applications in education*. San Franscisco: Jossey-Bass.
- Mitchell, C., & Sackney, L. (2001). Building capacity for a learning community. *Canadian Journal of Educational Administration and Policy*, 19, 394-398.
- Mohd Isha Awang. (2005). Isu dan Cabaran Bahasa Melayu dalam Pendidikan Guru. *Berita harian*, p. Halaman 11.
- Muhammad Faizal A Ghani, Norfariza Mohd Radzi, Husaina Banu Kenayathulla, Saedah Sirah, Gary C Crow, & Faisol Elham,. (2013). "Komuniti pembelajaran profesional menurut perspektif Islam". *Jurnal Hadhari , Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia*, 5(2), 27–52.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia).
- Norreha Deraman, Suhaida Abdul Kadir & Mohd Majid Konting. (2009), *Kreativiti guru dalam melaksanakan inovasi pendidikan dalam pengajaran & pembelajaran daripada pelbagai perspektif*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Roberts,S.M., Pruitt, E.Z. (Eds.). (2008). *Schools as professional learning communities: Collaborative activities and strategies for professional development*. California Corwin Press.
- Roselan Baki. (2003). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Shah Alam; Karisman Publications Sdn Bhd.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu senario, teori dan panduan untuk pelajar*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Saedah Siraj, & Mohammed Sani Ibrahim. (2012). "Standard kompetensi guru Malaysia". *Seminar Kebangsaan*

- Majlis Dekan Pendidikan IPTA*. Retrieved from http://www.medc.com.my/medc/seminar_medc/fromCD/html/159.htm
- Seman Salleh. (2005). "Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu : Kajian kes di sebuah sekolah rendah di Daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur". *Jurnal IPBA*. Jilid 3: Bilangan 2, 27–44.
- Shahril @ Charil bin Hj Marzuki. (2005). "Amalan pengajaran guru yang berkesan: Kajian di beberapa sekolah menengah di Malaysia". *Fakulti Pendidikan Universiti Malaya*. Retrieved from <http://www.ipbl.edu.my/bm/penyelidikan/seminarpapers/2005/shahrilum.pdf>
- Sulaiman Masri, Abdullah Yusof & Mohd Ra'in Shaari. (2006). *Bahasa Melayu dimensi pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn Bhd.
- Stegall, D.A. (2011). Professional learning communities and teacher efficacy: A correlational study (Doctoral dissertation, Appalachian State University).
- Stoll, L., Bolam, R., McMahon, A., Wallace, M., & Thomas, S. (2006b). "Professional learning communities: A review of the literature". *Journal of Educational Change*. 7:221–258, 7(4), 221–258.
- Teague, G. M., & Anfara Jr, V. A. (2012). "Professional learning communities create sustainable change through collaboration". *Middle School Journal*. 44(2), 58.
- Toole, J. C., & Louis, K. S. (2002). The role of professional learning communities in international education. In *Second international handbook of educational leadership and administration* (pp. 245-279). Springer Netherlands.
- Zuraidah Abdullah, Rahimah Hj Ahmad & Muhammad Faizal Abd Ghani, . (2012). Komuniti Pembelajaran Profesional Dalam Kalangan Warga Sekolah. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA*, 1–21.
- Zuraini Jusoh. (2009). The Effectiveness of Storytelling Technique in Teaching and Learning Narrative Writing in the Malay Language (Master dissertation, Universiti Putra Malaysia). *Dekan Pendidikan IPTA*, 1–21.